

Sungai Rambai bebas banjir

JASIN – Trauma penduduk sekitar Sungai Rambai di sini setiap kali hujan lebat yang mengakibatkan banjir bakal berakhir dengan adanya pembinaan kolam tadahan banjir pada pertengahan tahun ini.

Kolam tadahan banjir seluas 40.47 hektar yang terletak di Paya Rambut itu kini 70 peratus siap.

Kali terakhir kawasan Sungai Rambai dilanda banjir ialah pada 2006.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Rahman berkata, selain pembinaan kolam tadahan banjir, kerja-kerja meninggikan benteng sehingga 1.5 meter di sepanjang Sungai Rambai sedang dilaksanakan.

"Kedua-duanya mempunyai fungsi yang penting untuk mengelakkan banjir berlaku dan apabila kedua-duanya siap kelak, penduduk sekitar kawasan ini tidak perlu gusar terutama semasa hujan lebat melanda," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada Program Gegau Kampung 1Malaysia bersama Sherwan yang diadakan di Laman Belia

1Malaysia di sini semalam.

Hasan menjelaskan, selain itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan membina lima pintu air di Empangan Sungai Kesang bagi melancarkan pengaliran air ke laut terutamanya ketika berlaku banjir.

Katanya, sebelum ini, empangan tersebut sudah mempunyai lima pintu air namun, penambahan lima lagi pintu air ini akan memastikan kelancaran air mengalir ke laut terutama ketika hujan lebat.

Mengenai program Gegau Kampung 1Malaysia tajaan syarikat rempah Sherwan dengan kerjasama Melaka FM, Hasan berkata, ia merupakan program Julung-Julung kali diadakan dalam usaha mendekatkan penduduk kampung sekitar dengan aktiviti kemasyarakatan.

Katanya, program sedemikian dapat memperkasakan semangat 1Malaysia di samping memperkenalkan gaya hidup sihat kepada masyarakat menerusi pemakanan seimbang menggunakan rempah masakan Sherwan.



HASAN (tiga dari kiri) meletakkan kepala ikan pada masakan kari kumpulan Ibu Cergas pada program masakan Gegau Kampung 1Malaysia di Sungai Rambai, Melaka semalam.